

Ketrampilan guru kurangkan masalah sosial

Archival News | Utusan Malaysia | 14/11/2001

GURU perlu mempunyai ketrampilan diri yang baik bagi membolehkan mereka dilihat sebagai role model kepada golongan pelajar di negara ini.

Menurut Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Yaacon Wan Ibrahim, ketrampilan guru yang baik diyakini mampu mengurangkan masalah disiplin yang terus di kalangan pelajar masa kini.

Katanya, personaliti sebagai role-model boleh dicapai jika guru sendiri tidak terlibat dalam sebarang masalah disiplin seperti lambat ke sekolah, berpakaian tidak kemas dan tidak bersedia untuk mengajar.

"Sekiranya seseorang guru itu mempunyai kemahiran dalam perhubungan awam serta beretika, pelajar akan mencontohi dan menghormatinya," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian Majlis Graduasi Sekolah

Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya Kuala Lumpur, baru-baru ini. Majlis yang julung kali diadakan itu, menyaksikan seramai 156 pelajar tingkatan lima pelbagai aliran menerima sijil sebagai tanda penghargaan sekolah di atas usaha mereka selaku pelajar selama ini.

Yaacob menambah, disiplin juga merupakan sebahagian daripada proses pendidikan yang dilalui pelajar saban hari.

Menurutnya, pengalamannya sebagai guru disiplin menunjukkan bahawa pelajar tidak takut dirotan tetapi akan lebih patuh sekiranya mereka diberikan nasihat dengan mesra.

"Kita perlu membuatkan mereka malu dan hormat pada kita kerana pendekatan yang lembut dan ketrampilan diri adalah faktor penting," katanya.

(Source : Utusan Malaysia)